

NO.SOALAN: 96

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : **Dato Noraini binti Ahmad (Parit Sulong)**

SOALAN : 96

**Dato Noraini binti Ahmad (Parit Sulong)** minta Perdana Menteri menyatakan adakah pihak kementerian bercadang untuk mengubah *standard operating procedure* (SOP) pengawalan persempadanan perairan negara terutamanya di Sabah supaya iaany lebih ketat dan dapat mengekang pencerobohan penganas, dan apakah status cadangan untuk membina pangkalan udara di pelantar minyak di Sarawak bagi tujuan keselamatan.

**Tuan Yang Dipertua,**

Buat masa kini, ESSCOM tidak bercadang untuk mengubah gerak kerja dan *standard operating procedure* (SOP) kawalan keselamatan yang telah diguna pakai oleh pasukan keselamatan di ESSZONE. Antara lain SOP ESSCOM bagi memastikan pemantauan dan kawalan keselamatan perairan persempadanan berada dalam keadaan baik dan terkawal adalah melalui pelbagai mekanisme seperti:

- 1) Mengatur gerak kapal dan bot pasukan keselamatan di sepanjang perairan ESSZONE dengan memberi tumpuan kepada laluan yang berisiko dan bersempadanan dengan Selatan Filipina;
- 2) Mengatur gerak tim-tim khas dan tim respon ke kawasan strategik untuk tindakan cepat;
- 3) Mengoptimumkan pengawasan radar dan Pangkalan Laut Tun Sharifah Rodziah, radar *points defence* dari 3 buah pulau dan dibantu oleh pengawasan pesawat udara maritim dan *unmanned aerial vehicle* (UAV);
- 4) Mengadakan operasi-operasi di daratan dan laut (OP Gasak, OP Bersepadu dan OP Gasak laut) sebagai usaha pencegahan dan *show of force*; dan

- 5) Melancarkan operasi-operasi khas terhadap sarang-sarang penjenayah/talibarut yang telah dikenalpasti dari semasa ke semasa.

Selain daripada itu, pada dasarnya kerajaan Malaysia, Filipina dan Indonesia telah bersetuju untuk mengadakan kerjasama bagi memastikan keselamatan perairan laut Sulu-Sulawesi berada dalam keadaan terkawal melalui beberapa langkah-langkah seperti berikut :

- 1) Mengadakan rondaan bersama secara bersepadu melibatkan ketiga-tiga buah negara; dan
- 2) Mewujudkan *a national focal point* antara ketiga-tiga negara bagi memudahkan perkongsian maklumat dan risikan sekiranya berlaku sesuatu insiden dan kecemasan yang memerlukan tindakan cepat dan segera.

Pangkalan udara menggunakan pelantar minyak di Sarawak telah dan sedang digunakan oleh pasukan pertahanan dan keselamatan serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk kegunaan pendaratan helikopter.